

# **CHIEF OF THE AUSTRALIAN DEFENCE FORCE TERIMA DARJAH KEPAHRAWANAN ANGKATAN TENTERA KEHORMAT**

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4528-chief-of-the-australian-defence-force-terima-darjah-kepahrawanan-angkatan-tentera-kehormat](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4528-chief-of-the-australian-defence-force-terima-darjah-kepahrawanan-angkatan-tentera-kehormat)

KUALA LUMPUR, 18 Feb 19 – Chief Of The Australian Defence Force, General Angus Campbell telah dianugerahkan Darjah Kepahlawanan Angkatan Tentera Kehormat yang disempurnakan oleh Menteri Pertahanan, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu di Ruang Perkasa, Wisma Pertahanan hari ini. Penganugerahan ini secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi kerjasama dari segi diplomatik pertahanan di antara kedua-dua Negara.

Turut hadir menyaksikan adalah Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Hj Zulkifli bin Hj Zainal Abidin; Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM serta Panglima-panglima Perkhidmatan yang lain.

Terdahulu, General Angus Campbell telah diberi penghormatan memeriksa Kawalan Kehormatan Utama sejurus tiba di Wisma Pertahanan serta diperkenalkan kepada Pegawai-Pegawai Kanan ATM yang berkhidmat di Kementerian Pertahanan.



